



Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 24 Ogos 2021

Nestlé Malaysia catat peningkatan jualan dan untung pada S2

Usaha diteruskan untuk menjamin keselamatan kakitangan dan sokongan kepada masyarakat di kala pandemik COVID-19

SOROTAN PENTING

- Perolehan meningkat sebanyak 13.2% kepada RM1.38 bilion pada S2 2021, disokong oleh prestasi kukuh dalam perniagaan teras makanan dan minuman (F&B) dan pemulihan aktiviti Di Luar Rumah (Out-Of-Home / OOH) (angka perbandingan S2 2020 adalah rendah kerana PKP)
- Untung Selepas Cukai melonjak sebanyak 27.5% kepada RM134.5 juta berasaskan pertumbuhan hasil lebih tinggi, walaupun menanggung perbelanjaan besar berkaitan COVID-19 untuk melindungi kakitangan dan memastikan kesinambungan operasi
- Dividen interim bersih RM0.70 sen sesaham diisytiharkan

Momentum Nestlé (Malaysia) Berhad yang semakin rancak pada S2 2021 mencerminkan tahap penggunaan di rumah yang mantap dan tumpuan berterusan Syarikat terhadap usaha menjamin bekalan produk kepada pelanggan di kala perintah kawalan pergerakan berkaitan COVID-19, serta tumpuan tidak berbelah bagi untuk memastikan keselamatan semua kakitangan dan rakan perniagaannya.

Penilaian Prestasi (Suku 2, 2021 berbanding Suku 2, 2020)

Perolehan bagi suku kedua meningkat sebanyak 13.2% kepada RM1.38 bilion berbanding RM1.22 bilion pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini dipacu oleh pertumbuhan jualan domestik memberangsangkan sebanyak 15.8%, berdasarkan pengukuhan perniagaan F&B teras Kumpulan, yang meningkat 8.4% pada S2 2021. Perniagaan Di Luar Rumah di bawah Nestlé Professional mencatatkan peningkatan ketara berbanding jualan lebih rendah yang dicatatkan pada suku yang sama tahun lepas apabila perintah kawalan pergerakan awal menimbulkan kesan paling besar kepada aktiviti sektor ini. Usaha menjamin bekalan kepada pasaran tempatan dengan sekatan operasi yang dihadapi telah memberikan sedikit kesan kepada perniagaan eksport, yang hanya berkembang sebanyak 2.5% pada S2 2021.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé Malaysia Berhad berkata, "Keutamaan kami ialah memastikan keselamatan orang ramai dan kesinambungan bekalan, yang memerlukan kegigihan dan kesungguhan semua pasukan kami. Ujian antigen sistematik yang dilakukan ke atas kakitangan dan pelaksanaan SOP yang ketat untuk membendung jangkitan telah memainkan peranan penting untuk mengekalkan jualan dan memastikan operasi dapat diteruskan untuk memenuhi permintaan kukuh yang dapat dilihat bagi kebanyakan jenama kami. Walaupun COVID-19 terus memberi kesan dalam jangka pendek, kami terus membina keupayaan demi masa depan, dengan memasuki kategori pertumbuhan tinggi baharu, dan juga mengembangkan program kelestarian alam sekitar."

Kumpulan telah melancarkan banyak produk baharu pada suku tahun yang dilaporkan. Ini termasuk pelancaran rangkaian makanan berasaskan tumbuhan HARVEST GOURMET ke dalam pasaran runcit dan memperkenalkan versi MILO dan NESCAFÉ tanpa susu. Produk lain yang dilancarkan pada S2 2021 termasuk rangkaian Teh LIVELY, perluasan rangkaian NESCAFÉ Ais dan menceburi pasaran tablet coklat dengan KIT KAT Blocks serba baharu.

Untung Sebelum dan Selepas Cukai masing-masing meningkat kepada RM177.0 juta dan RM134.5 juta pada S2 2021. Pemulihan kukuh berbanding S2 2020 didorong terutamanya oleh peningkatan hasil tetapi diimbangi sebahagiannya oleh harga komoditi dan perbelanjaan pemasaran lebih tinggi berbanding tempoh PKP pada 2020. Tambahan lagi, perbelanjaan berkaitan COVID-19 masih tinggi pada S2, mencerminkan kos program ujian antigen besar-besaran, PPE dan langkah-langkah lain untuk memastikan kawalan dan pencegahan jangkitan di lokasi.

Penilaian prestasi: Sehingga Tarikh Semasa 2021 berbanding Tarikh Sama 2020

Bagi separuh pertama berakhir 30 Jun 2021, Perolehan Kumpulan meningkat sebanyak 6.6% kepada RM2.83 bilion, daripada RM2.65 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas. Kenaikan ini dipacu terutamanya oleh jualan domestik yang meningkat sebanyak 7.7% sambil perniagaan F&B teras mencatatkan pertumbuhan 6.7% manakala aktiviti OOH meneruskan pemulihan beransur-ansur tetapi mantap berbanding jualan yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lepas akibat kesan PKP.

En. Aranols menambah, "Keputusan Separuh Pertama membuktikan keteguhan model perniagaan kami untuk memacu pertumbuhan mampan tahun demi tahun, disokong oleh kecekapan, sokongan jenama dan inovasi. Kami akan terus berusaha gigih setiap hari untuk memenuhi jangkaan rakyat dengan produk yang bercita rasa lazat, bermutu tinggi dan berkhasiat."

Kumpulan mencatatkan Untung Sebelum Cukai lebih tinggi berjumlah RM397.4 juta bagi separuh pertama tahun, iaitu kenaikan 2.8% berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Kejayaan ini dicapai berbekalkan jualan lebih tinggi, biarpun perlu menampung harga komoditi dan perbelanjaan pemasaran yang lebih tinggi, dan juga perbelanjaan

besar yang ditanggung berkaitan COVID-19 berjumlah hampir RM50 juta. Kumpulan mencatatkan Untung Selepas Cukai RM309.7 juta, yang juga disokong oleh cukai lebih rendah daripada insentif cukai Elaun Pelaburan Semula bagi kilang pengeluaran Penyelesaian Makanan Berasaskan Tumbuhan baharu Kumpulan.

Sejajar dengan komitmen Kumpulan untuk menjana nilai untuk pemegang saham, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim sebanyak RM0.70 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021, sama seperti dividen interim pertama 2020.

Tinjauan

Mengulas mengenai operasi untuk tempoh selanjutnya dalam tahun yang dilaporkan, En. Aranols berkata, "Kemajuan program vaksinasi negara cukup memberangsangkan dan jelas menunjukkan semangat 'Malaysia Boleh!' yang memberi inspirasi kepada kita semua di Nestlé Malaysia untuk memberikan yang terbaik setiap hari. Memandangkan sinar harapan kini semakin cerah, kami berharap semua rakyat Malaysia yang menderita akibat pandemik dapat melindungi nyawa dan memulihkan sumber rezeki mereka. Sepanjang Separuh Pertama 2021, kami terus menghulurkan bantuan kepada masyarakat, dengan menyumbang RM7.5 juta kepada tabung makanan dan menyokong NGO. Kami juga memainkan peranan kami menggalakkan semua rakyat Malaysia mendapatkan vaksin, menerusi seruan 'Sertai Perjuangan. Hentikan Covid 19', termasuk memberi ganjaran kepada rakyat Malaysia yang telah menerima vaksin dengan 25,000 baucar bernilai RM20 setiap satu."

"Dengan harapan agar aktiviti ekonomi dapat digiatkan semula seperti biasa secara beransur-ansur, cabaran utama bagi tempoh selanjutnya tahun ini ialah kos komoditi makanan yang semakin meningkat, yang telah kami tampung sepanjang Separuh Pertama menerusi dasar lindung nilai kami. Kesannya akan lebih dirasai pada bulan-bulan akan datang."

"Walaupun apa pun, kami tetap yakin akan mencatatkan satu lagi tahun kukuh pada 2021, dengan pertumbuhan jualan mantap dan prestasi keuntungan yang mampu dikekalkan."

"Berlandaskan momentum ini, kami meneruskan tumpuan untuk mengekalkan perkembangan positif pada separuh kedua tahun dilaporkan dalam usaha kami mencapai pertumbuhan mampan bagi 2021, sambil menyokong Malaysia dalam usahanya ke arah pemulihan," rumus En. Aranols.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah

meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6650

Bimbit: +6012 235 6865

E-mel: Shaheen.MohamedZaffar@my.nestle.com

Alya Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Bimbit: +6010-221 8216 (Alya) atau

E-mel: +6017-237 9048 (Yasmin)

acorncommunications@acornco.com.my